

12 AUG 1998
UMNO-Sokong
UMNO SABAH SOKONG PENDIRIAN ANWAR

KOTA KINABALU, 12 Ogos (Bernama) -- UMNO Sabah mengalu-alukan pendirian Timbalan Presiden UMNO Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk tidak mencabar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi jawatan presiden pada pemilihan parti itu tahun depan.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Sabah, Datuk Osu Sukam hari ini berkata dengan kenyataan Anwar itu, ia akan menamatkan sebarang spekulasi berhubung kemungkinan beliau akan mencabar Dr Mahathir.

"Kita mengalu-alukan pendirian beliau (Anwar) malahan kita sedar bahawa Datuk Seri tidak berminat dan tidak terlintas di hati untuk bertanding jawatan presiden UMNO," katanya kepada pemberita selepas menghadiri kempen mengibarat Jalur Gemilang di sini.

Osu yang juga Timbalan Ketua Menteri berkata UMNO negeri menyokong penuh agar tidak ada pertandingan bagi jawatan presiden.

"Jika ada pertandingan pun UMNO Sabah tetap menyokong kepada penyandang jawatan," katanya.

Semalam, Anwar mengulangi pendiriannya untuk tidak mencabar Perdana Menteri bagi jawatan presiden UMNO.

Anwar turut mengumumkan semua 11 bahagian UMNO di Pulau Pinang akan mencalonkan Dr Mahathir sebagai presiden parti.

Di KUANTAN, Menteri Besar Pahang Tan Sri Khalil Yaakob yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri berkata kenyataan Anwar itu diharap dapat meredakan banyak perkara.

Beliau berkata berikutan kenyataan Anwar itu, anggota UMNO tidak perlu rasa bimbang dan memberikan banyak masa kepada soal pertandingan di peringkat Presiden.

"Kita harap dengan kenyataan itu, tidak lagi timbul keraguan, perbincangan mahupun polemik mengenai perkara itu," katanya selepas melancarkan kempen derma buku peringkat negeri Pahang.

Beliau berkata seluruh UMNO Pahang menyambut baik kenyataan Anwar itu yang sekali gus memberi tumpuan kesetiaan kepada Presiden selaku simbol parti.

Di KUALA TERENGGANU, Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berkata UMNO Terengganu berdiri teguh di belakang Dr Mahathir selaku Presiden UMNO dan akan mencalonkan beliau untuk mengekalkan jawatan itu tahun depan.

Wan Mokhtar yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Terengganu berkata sokongan itu berdasarkan kewibawaan dan kecemerlangan Dr Mahathir dalam banyak perkara baik di peringkat negara mahupun dunia.

Semua rakyat negara ini memang sepatutnya memberi sokongan padu terhadap kepimpinan negara bagi memastikan negara terus berada dalam keadaan baik, katanya.

Beliau berkata tindakan yang dilakukan oleh Perdana Menteri terutama dalam menangani masalah ekonomi dan juga ugutan dari luar juga patut diberikan sokongan.

Wan Mokhtar berkata kenyataan Anwar, yang tidak akan mencabar Dr Mahathir itu merupakan satu jawapan kepada mereka yang suka mendengar khabar angin.

Di MELAKA, Ketua Perhubungan UMNO Melaka Datuk Seri Abu Zahar Isnin berkata UMNO Melaka akan bermesyuarat malam ini bagi mengambil ketetapan bahawa lima bahagian parti itu mencalonkan Dr Mahathir sebagai Presiden dan Anwar sebagai Timbalan Presiden.

Abu Zahar, yang juga Ketua Menteri Melaka berkata kenyataan Anwar

semalam telah melegakan banyak pihak dan beliau berharap tidak timbul lagi keraguan tentang perkara itu

"Kita lihat suasana kini, semua pihak masih memerlukan kepimpinan Dr Mahathir dan sehubungan itu semua anggota UMNO Melaka memberi sokongan kepada beliau," katanya kepada pemberita di sini.

Di PORT DICKSON, Menteri Besar Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad berkata kenyataan Anwar itu akan dapat mematikan isu berkenaan.

Katanya, walaupun kenyataan seperti itu telah dibuat beberapa kali oleh Anwar sebelum ini, masih ada kalangan yang memainkan isu berkenaan.

"Tetapi dengan pengumuman itu yang dibuat di hadapan Dr Mahathir dan ribuan orang ramai, ia akan menenggelamkan isu itu," katanya kepada pemberita selepas menutup persidangan hakim-hakim dan pendaftar Mahkamah Syariah Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang dan Terengganu di sini.

Katanya, beliau berharap tiada pihak yang akan cuba memainkan isu itu semula.

-- BERNAMA

AZ NMO